PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PENJAWAT AWAM BERKENAAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia atau apa-apa tingkahlaku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu benda rahsia adalah menjadi sesuatu kesalahan di bawah Akta tersebut, yang boleh dihukum maksimum penjara seumur hidup.

Saya faham bahawa segala maklumat rasmi yang saya perolehi dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani suatu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidamtan Kerajaan.

Tandatangan : …….....

Nama dengan Huruf Besar : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Jawatan : .....

Jabatan : .....

Tarikh : .....

Disaksikan oleh : …….....
(Tandatangan)

Nama dengan Huruf Besar : .....

No Kad Pengenalan : .....

Jawatan : .....

Jabatan : .....

Tarikh : .....

Cop Jabatan : …….....

8. (1) Jika seseorang yang ada dalam miliknya atau kawalannya sesuatu perkataan kod, isyaratimbal atau katajodoh rasmi yang rasmi atau sesuatu benda, suratan atau maklumat yang -

(a) berhubung dengan atau digunakan di sesuatu tempat larangan atau berhubung dengan apa-apa jua di sesuatu tempat itu: atau

(b) berhubung dengan kelengkapan perang; atau

(c) telah dibuat atau didapatkan bersalahan dengan akta ini; atau

(d) telah diamanahkan sebagai rahsia kepadanya oleh seseorang pegawai awam; atau

(e) telah dibuat atau didapatkan atau dilihat olehnya, oleh kerana kedudukannya sebagai seorang yang memegang atau telah memegang jawatan dalam perkhidmatan awam, atau sebagai seorang yang memegang atau telah memegang suatu kontrak yang dibuat bagi pihak Kerajaan, atau sebagai seorang yang bekerja atau telah bekerja dengan atau dibawah seseorang yang memegang atau telah memegang jawatan atau kontrak itu.

Melakukan mana-mana daripada yang berikut –

(i) menyampaikan secara langsung atau taklangsung sesuatu maklumat atau benda tersebut kepada sesuatu negeri asing yang lain daripada negeri asing yang kepadanya ia diberikuasa dengan sempurna bagi menyampaikannya atau kepada seseorang lain yang lain daripada orang kepadanya ia adalah berkewajipan bagi menyampaikannya; atau

(ii) menggunakan sesuatu maklumat atau benda seperti tersebut diatas untuk faedah sesuatu negeri asing yang lain daripada negeri asing yang bagi faedahnya ia berikuasa dengan sempurna bagi menggunakanya atau dengan apa-apa cara lain yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia; atau

(iii) menyimpan dalam milik atau kawalannya mana-mana benda seperti tersebut di atas manakala ia tidak berhak menyimpannya, atau manakala berlawanan dengan kewajipannya bagi menyimpannya, atau tidak mematuhi segala arahan yang sah yang dikeluarkan oleh pihak-berkuasa yang sah berkenaan dengan pemulangan atau pelupusan benda itu; atau

(iv) tidak menjaga dengan cara yang berpatutan, atau bertingkah-laku sehingga membahayakan keselamatan atau rahsia, sesuatu maklumat atau benda seperti tersebut di atas,

maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih daripada tujuh tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

(2) Jika seseorang menerima sesuatu perkataan kod, isyaratimbal atau katajodoh rasmi yang rahsia, atau apa-apa benda, suratan atau maklumat dengan mengetahui atau ada alasan yang menasabah bagi mempercayai, pada waktu ia menerimanya itu, bahawa perkataan kod, isyaratimbal, katajodoh, benda, suratan atau maklumat itu adalah disampaikan kepadanya bersalahan dengan Akta ini, maka ia adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih daripada tujuh tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya melainkan jika ia membuktikan bahawa perkataan kod, isyaratimbal, katajodoh, benda, suratan atau maklumat itu telah disampaikan kepadanya dengan tidak dikehendaki olehnya.